

01/06/2001

Syor tangani kekurangan anggota ATM

Ex Cap 10

KESETIAAN Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berasaskan prinsip setia kepada kerajaan yang dipilih tidak boleh dinafikan. Ini adalah profesionalisme ketenteraan yang dimiliki oleh ATM, sejak ditubuhkan pada 1933.

Justeru, kepentingan ATM sentiasa diberikan keutamaan oleh kerajaan, malah mencakupi golongan bekas tentera yang bernaung dalam Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM).

Keutamaan atau keistimewaan yang diberi kepada anggota ATM atau ahli PBTM merangkumi pelbagai aspek dan diberikan perhatian khusus oleh barisan kepimpinan negara, termasuk Perdana Menteri.

Pada 14 Mei lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan perjumpaan dengan ahli PBTM dari seluruh Semenanjung dan sebelum itu mengadakan pertemuan dengan bekas komando di Melaka.

Pada pertemuan itu, Perdana Menteri memberi jaminan yang kerajaan akan membantu ahli PBTM yang ingin bergiat bidang perniagaan atau berkhidmat dengan kerajaan dan swasta.

Malah sebelum ini pun, bekas tentera diberi keutamaan untuk menjadi pengedar duit syiling, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz pula sanggup menjadi orang tengah kepada PBTM dalam usaha untuk membabitkan ahli PBTM dalam bidang industri.

Bagi anggota ATM yang berkhidmat pula, pelbagai elaun dicadangkan untuk mereka nikmati dan kelebihan ini diakui sendiri oleh Perdana Menteri.

Dalam usaha untuk menyegerakan pembinaan rumah kediaman ATM, Dewan Rakyat yang bersidang pada pertengahan April lalu meluluskan peruntukan RM400 juta, dengan mengambil dahulu sebahagian peruntukan Rancangan Malaysia Kelapan yang berjumlah RM1.5 bilion. Keistimewaan sebegini jarang diperolehi oleh pihak lain.

Biarpun begitu banyak keistimewaan dan perhatian yang diberikan kepada ATM, sayangnya belum mampu menarik minat generasi muda untuk menyertai perkhidmatan ATM.

Penulis tidak menuduh golongan ini memiliki tahap patriotisme rendah, sebaliknya disebabkan peluang untuk bergiat dalam bidang lain masih terbuka luas, maka perkhidmatan ATM menjadi pilihan terakhir. Ini tidak berlaku sekiranya ekonomi negara seperti pertengahan tahun 80-an dulu.

Namun, ATM perlu mengkaji kemungkinan ada unsur lain yang mempengaruhi generasi muda supaya tidak menyertai bidang ketenteraan. Misalnya pengaruh bekas anggota ATM itu sendiri. Ini berpunca daripada ketidakpuasan hati mereka (bekas anggota) ketika berkhidmat dan golongan ini lazimnya menamatkan perkhidmatan sebelum berpencen.

ATM atau Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) patut mempunyai data melalui kaji selidik terhadap setiap anggota yang akan menamatkan perkhidmatan, untuk mengetahui punca sebenar mereka (anggota ATM) menamatkan perkhidmatan, tanpa mencapai tahap persaraan.

Pada masa ini, alasan untuk menamatkan perkhidmatan hanya dinyatakan dalam permohonan bertulis dan tidak dianalisis. Perhebat pula hanya melakukan kaji selidik terhadap bekas anggota dan lebih menjurus kepada aspek sosioekonomi.

Penulis tidak berniat untuk membandingkan kewibawaan menteri yang menerajui Kementerian Pertahanan (Kementah). Namun melalui pengalaman berkhidmat selama 25 tahun, penulis 'angkat topi' kepada Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak di atas keprihatinan beliau terhadap ATM. Tidaklah perlu disebutkan satu persatu 'buah tangan' beliau kerana buktinya dimiliki oleh

anggota atau bekas anggota ATM.

Penulis percaya Najib mampu menangani masalah semasa yang dihadapi oleh ATM, khususnya kekurangan anggota.

Pengerusi PBTM, Senator Datuk Muhammad, pernah berkata kekurangan anggota ATM boleh menyebabkan negara menghadapi masalah bagi mengawal keselamatan. Minda Pengarang Berita Harian pada 12 Mei lalu pula meminta ATM supaya menangani masalah kekurangan anggota segera bagi mengelakkan masalah besar kemudian hari. Masalah kekurangan anggota juga sudah sampai ke Kabinet dan langkah perlu, telah diambil bagi mengseimbangkan jumlah pengambilan anggota baru dengan jumlah yang akan menamatkan perkhidmatan.

Usaha ke arah itu tidak sepatutnya dibebankan sepenuhnya kepada Kementah atau ATM, tanpa pihak lain turut membantu, termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan media massa.

Namun dari `dalam', ATM sendiri boleh berusaha mengurangkan kadar pemberhentian dan persaraan. Penulis berpendapat setiap pegawai dan anggota yang menamatkan perkhidmatan hingga ke peringkat persaraan wajib adalah mereka yang berminat dengan perkhidmatannya.

Pernahkah ATM menawarkan lanjutan perkhidmatan kepada golongan ini? Bagi anggota pangkat rendah, had maksimum perkhidmatan mereka adalah 22 tahun. Ada anggota yang memohon untuk melanjutkan perkhidmatan, tetapi hanya sebilangan kecil diluluskan.

Bagi pegawai pula, umur persaraan wajib mereka terbahagi kepada beberapa kumpulan, umpamanya 45 tahun untuk kapten, 50 tahun (mejar), 52 tahun (leftenan kolonel) dan 55 tahun (kolonel ke atas).

Dengan perkhidmatan 22 tahun, anggota mungkin berumur 40 tahun. Sama ada mereka berkhidmat dalam pasukan tempur, bantuan tempur atau bantuan perkhidmatan, tenaga 40 tahun masih kuat dan dengan penjagaan kesihatan yang baik, tenaga mereka belum banyak berkurangan sekiranya diberi peluang untuk meneruskan perkhidmatan hingga ke umur 45 tahun. Begitu juga dengan pegawai, misalnya seorang kapten yang terpaksa bersara pada umur 45 tahun. Baik pegawai atau pangkat rendah, penulis percaya, jika diberikan tawaran untuk melanjutkan perkhidmatan, ada yang menerimanya.

Justeru, selaras dengan keputusan kerajaan untuk melanjutkan umur persaraan kakitangan awam kepada 56 tahun, ATM mungkin boleh memikirkan peluang terbaik untuk terus mendapatkan perkhidmatan daripada mereka yang masih berkhidmat.

Perkara ini lebih mudah dan baik daripada mendapatkan pegawai atau anggota baru. Berita Harian pada 16 Mei lalu, melaporkan yang Majlis Angkatan Tentera (MAT) akan bersidang bagi menyelaras keputusan kerajaan melanjutkan umur persaraan. Mudah-mudahan MAT mendapat petunjuk untuk sama-sama menangani masalah kekurangan anggota yang dihadapi oleh ATM.

Seperkara lagi yang tidak kurang pentingnya dalam usaha membendung pemberhentian awal anggota ATM ialah gaji.

Meskipun Menteri Pertahanan menyebut hakikat memilih perkhidmatan ATM perlu berlandaskan sikap patriotisme dan bukannya berdasarkan faktor kewangan semata-mata perlu diingat bahawa semangat patriotisme lahir atas dorongan moral yang tinggi.

Salah satu pendokong kepada peningkatan moral adalah kewangan untuk menyara diri dan ahli keluarga.

Berbeza dengan perkhidmatan awam, kenaikan gaji yang ketara bagi anggota tentera adalah hasil kenaikan pangkatnya. Pangkat pula hanya boleh dinaikkan jika ada kekosongan jawatan.

Penulis pernah menemui seorang anggota yang menyandang pangkat sarjan selama 12 tahun, sedangkan kenaikan gaji tahunannya cuma empat kali. Jadi, selama lapan tahun beliau tidak memperolehi kenaikan gaji.

Begitu juga dengan prebet, koperal dan sebagainya.

Tidak dinafikan sejak kebelakangan ini peluang kenaikan pangkat anggota

pangkat rendah semakin luas dengan penstrukturan semula organisasi unit dalam ATM. Begitu pun tidak semua anggota ATM menjadikan pangkat sebagai keutamaan. Mereka sebenarnya inginkan gaji untuk pangkat itu.

Namun jika gaji mereka terus meningkat setiap tahun, selama 21 tahun, walaupun beliau seorang prebet, anggota itu tidak akan begitu mudah untuk mengucapkan `selamat tinggal' kepada ATM.

Justeru, di samping membincangkan soal had umur persaraan, MAT tinjau-tinjau aspek lain yang boleh menjadikan perkhidmatan ATM diminati bukan saja oleh generasi muda, malah generasi yang masih berada dalam organisasi sendiri.